

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Naib Canselor
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred Utama A (VU5) Terbuka
Jadual Gaji	: Pakej Imbuhan mengikut skala dan kelayakan elaun yang berkuatkuasa
Status Pelantikan	: Secara Kenaikan Pangkat, Pelantikan Secara Pertukaran Sementara, Peminjaman atau Pelantikan Secara Kontrak
Tempoh Pelantikan	: Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
Kelayakan	: Sekurang-kurangnya memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) serta berpengalaman memimpin dan mengurus Pusat Tanggungjawab.

KRITERIA UMUM

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria **UMUM** seperti berikut:

1. Kecemerlangan Akademik

Mempunyai kelayakan Ph.D, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

2. Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

3. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Pengalaman dan rekod kecemerlangan kepimpinan akademik merupakan antara ciri utama menentukan kemampuan calon selain kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

4. Reputasi

Menjadi '*role model*' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

5. Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Penyandang juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama.

6. Berfikiran Jauh dan Kritis

Penyandang mestilah berkemampuan untuk berfikiran jauh dalam menentukan hala tuju dan visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisisa, mensintesisakan dan membuat penilaian secara holistik dalam menyelesaikan masalah.

7. Berintegriti

Penyandang perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat atau disabitkan dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tata tertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.

8. Mempunyai Kapasiti Dalam Penjanaan Dana Universiti

Mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat peluang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang-peluang baharu serta berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan segala sumber secara optimum untuk menjana pendapatan universiti.

9. Menghayati Agenda Nasional

Berkeupayaan menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Mampu untuk menghayati dan menghargai kepelbagaian serta merealisasikan dasar-dasar negara dan agenda nasional.

KRITERIA KHUSUS

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria **KHUSUS** seperti berikut:

1. Mempunyai Perancangan Yang Jelas Untuk Universiti Berdasarkan Bidang Kebitaraan

Mempunyai hala tuju yang jelas dalam memimpin organisasi berdasarkan kepada kategori universiti iaitu Universiti Berfokus dan berupaya memajukan UTeM sebagai sebuah institusi kecemerlangan pendidikan.

2. Adaptasi Teknologi

Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UTeM menerajui teknologi IR4.0.

3. Kriteria-kriteria lain yang bersesuaian berdasarkan *niche area* UTeM.

CARA MEMOHON

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut :

- i) Surat Permohonan;
- ii) Ringkasan LCV (**Lampiran A**);
- iii) *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini berserta dokumen/sijil yang berkaitan;
- iv) Kertas cadangan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang boleh membantu UTeM seterusnya menjadikan UTeM sebagai Universiti Teknikal Terkemuka di peringkat nasional dan antarabangsa;
- v) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Naib Canselor UTeM; dan
- vi) Sokongan Ketua Perkhidmatan.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut :

Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya,
76100 Durian Tunggal,
Melaka.

atau melalui emel azrinaalwi@utem.edu.my / nurayuni@utem.edu.my

Tarikh tutup permohonan: 18 Oktober 2024 Jam 5.00 Petang

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di talian: 06-2701900/1954 atau melalui emel seperti di atas.

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk Sesi Temu Bual yang akan dilaksanakan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Sila layari laman web Sila layari laman web <https://www.utm.edu.my/ms/jawatan-kosong.html>